

08/06/1998

Murdoch bincang dengan Mahathir, Anwar

KUALA LUMPUR, Ahad - Tokoh media antarabangsa, Rupert Murdoch mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini hari ini.

Murdoch yang ditemui pemberita di lobi bilik kenamaan Bunga Tanjung Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah berkata, beliau hanya berbincang mengenai urusan tidak rasmi dengan Perdana Menteri dan timbalannya secara berasingan.

"Saya tidak berbincang mengenai urusan perniagaan tetapi hanya berbincang mengenai isu semasa dunia," katanya dengan tergesa-gesa sebelum berlepas dengan jet peribadinya ke China.

Beliau singgah ke negara ini pagi ini dari Hong Kong untuk mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir dan Anwar serta melawat stesen penyiaran satelit Astro.

Murdoch, rakyat Australia adalah Pengerusi News Corporation, sebuah organisasi media gergasi yang mempunyai kepentingan dalam sektor penerbitan dan penyiaran di Eropah dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, pemegang saham terbesar Astro, Tan Sri Ananda Krishnan yang mengiringi Murdoch, berkata Murdoch mempunyai usaha sama dengan Astro dalam memajukan stesen televisyen itu.

(END)